

PADA lewat 1993, Tan Sri Eric Chia Eng Hock, Pengarah Urusan Perwaja Steel memberitahu majalah *Asiaweek* betapa terkejutnya beliau apabila kawan baiknya, Dr. Mahathir Mohamad secara peribadi memintanya menguruskan dan memulihkan syarikat besi keluli kebangsaan yang bermasalah, Perwaja Terengganu. Kata Eric Chia: "Saya terkejut apabila Dr. Mahathir menyatakan demikian. Saya tidak tahu apa-apa tentang besi. Tetapi jika Perdana Menteri meminta anda lakukan sesuatu, bagaimana anda boleh kata tidak?"

Perwaja merupakan projek penting perindustrian yang dimulakan oleh kerajaan pada awal 1980-an. Malangnya projek itu yang baru saja bermula terjebak dengan pelbagai masalah. Kilang memproses besi tulen itu telah gagal, menyebabkan pemegang saham dari Jepun, Nippon Steel menangguhkan projek tersebut. Begitu juga pembayaran faedah pinjaman jangka panjang berjumlah RM815 juta dalam mata wang Jepun tambah membebankan syarikat berikutnya ke naikan nilai yen.

Menjelang 1988, Perwaja Terengganu bertambah teruk. Sebagai langkah untuk memulihkannya, kerajaan telah meminta bantuan ahli perniagaan Eric Chia dari UMW yang merupakan salah seorang pengarah HICOM dan pengasas EON iaitu pengedar kereta-kcreta nasional, Proton. Pada masa itu Eric Chia memperoleh gaji RM72,000 sebulan daripada UMW, memiliki tiga buah kcreta mewah dan perahu layar sendiri. Menurut Eric Chia, beliau sanggup meninggalkan pendapatan yang lumayan kerana mahu membela budi negara yang telah memberinya kemewahan.

Bagaimana Perwaja dan Eric Chia boleh terlibat dalam masalah yang sekarang mengheretnya ke mahkamah?

Semasa beliau diambil untuk mengendalikan Perwaja 1988, Eric Chia membawa rekod yang baik. Pesakit diabetes yang tidak segan-silu membuka perutnya di depan khalayak untuk mengambil suntikan insulin, Eric Chia merupakan seorang yang tegar. Ramai yang mengatakan beliau bongkok tetapi semua kerjanya dapat dibercaskan dengan baik.

Apabila beliau mengambil alih Perwaja, syarikat itu sedang mengalami masalah operasi dan krisis tenaga manusia. Kilang tersebut terletak di timur laut Tereng-

ERIC CHIA Kemuncak Skandal Perwaja

ganu, sebahagian besarnya bergantung kepada pekerja-pekerja Melayu konserватif yang tidak terlatih untuk membuat bebas.

Jadi semasa Eric Chia bertemu buat pertama kali 1,100 pekerja Perwaja Steel (diubah nama daripada Perwaja Terengganu) di Kemaman, beliau memberitahu mereka tentang zaman kanak-kanaknya.

Mengenai peristiwa berpisah daripada ibunya. Tentang tugas membersih tandas. Cerita bagaimana beliau dipukul di belakang hingga tidak boleh tidur menelentang selama sebulan. Dan tentang tiga tahun yang dihabiskannya di jalan-jalan, menyelongkar tong-tong sampah untuk mencari makanan. Eric Chia mahu para pekerjanya berusaha keras dan bersama-

sama membangunkan sebuah perniagaan yang suatu hari nanti akan menjadi kebanggaan mereka.

Sejak itu, Eric Chia seolah-olah tidak lagi menoleh ke belakang. Pengeluaran Perwaja cuma sebanyak 21,000 tan sebulan semasa beliau mula mengambil alih.

Empat tahun kemudian meningkat kepada 80,000 tan. Dalam laporan tahun kewangan berakhir 31 Mac 1990, Perwaja mencatat keuntungan sebelum cukai sulungnya sebanyak RM23.5 juta dan selepas itu, akhbar melaporkan ia terus mencatatkan keuntungan sekitar RM15 juta hingga RM18 juta pada 1991, RM18 juta (1992) dan di antara RM30 juta hingga RM40 juta (1993).

Nama Eric Chia disebut di mana-mana sahaja. Suatu ketika sewaktu beliau dimasukkan ke hospital, pekerja-pekerja Perwaja dikatakan bersembahyang hajat meminta Tuhan segera menyembuhkan bos mereka itu. Malah menurut Eric Chia: "Ke mana saja Dr. Mahathir pergi, beliau akan menyebut nama saya dan Perwaja."

Akhbar tempatan melaporkan pada 1993 bahawa operasi Perwaja Steel begitu memberangsangkan di mana "ia akan mengeluarkan keluli sejuta tan tahun ini dan membayar segala hutangnya." Syarikat itu bahkan telah berkembang dengan pembukaan kilang kedua di Gurun, Kedah. Tetapi tanda-tanda menarik itu telah menyembunyikan fakta bahawa syarikat itu terus terjejas akibat masalah operasi, kontrak-kontrak dikeluarkan tanpa tender dan pertambahan hutang akibat pengembangan syarikat. Kenaikan nilai yen tambah menyukarkan keadaan.

Syarikat-syarikat perdagangan dan bank-bank Jepun yang memberi pinjaman terus mendesak supaya hutang mereka dibayar.

Apabila tempoh membayar balik tiba, tidak ada wang untuk berbuat demikian. Hakikatnya, untuk tahun fiskal berakhiran

Mac 1995, syarikat terbabit kerugian sebelum cukai sebanyak RM-376.54 juta. Kerugian ini adalah disebabkan antara lainnya pembirkinan kilang baru di Gurun. Lagipun syarikat itu terlalu bergantung kepada bahan mentah luar seperti besi mentah Brazil dan Australia, dan skrap daripada India.

Bagaimana Eric Chia dapat menyembunyikan petaka kewangan yang akan terjadi masih belum jelas. Yang nyata, beberapa penyele-

wangan mula ketara. Misalnya, RM76.4 juta wang Perwaja yang didakwa dibayar kepada sebuah syarikat yang tidak wujud di Hong Kong, Frilsham Enterprises. Eric Chia akhirnya terpaksa berundur dari pada syarikat yang dikatakan cuba diselamatkannya.

Perwaja disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis sejak 1996 dengan lebih 50 saksi, termasuk di luar negara ditemui. Para pemimpin pembangkang dan kerajaan mendakwa ia menanggung beban hutang RM10 bilion membabitkan RM926 juta dalam liabiliti semasa, RM6 bilion dalam liabiliti jangka panjang dan kerugian terkumpul hampir RM3 bilion.

Namun bagi lelaki yang dituduh bertanggungjawab di atas keruntuhan syarikat besi kebangsaan dan namanya tidak lagi mempunyai daya penarik kecuali mengundang cemuh, Eric Chia telah menunjukkan keyakinan diri yang luar biasa. Selama beberapa tahun beliau digambarkan sebagai penyangak berikut tan pendedahan di Parlimen pada 1996 oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu menjadi Menteri Kewangan bahawa Perwaja Steel sedang tenat dan menanggung kerugian RM2.9 bilion. Anwar mengaitkan prestasi buruk itu dengan kelemahan pengurusan dan pemberian kontrak dan pembayaran

yang menyalahi peraturan. Selama lapan tahun Eric Chia tidak didakwa atas sebarang salah laku tetapi persepsi awam telah menghukumnya sebagai bersalah. "Sekarang tiada siapa yang mahu mengenali Eric Chia. Saya boleh kira dengan jari kawan-kawan saya. Tetapi itulah kehidupan," kata usahawan ini pada tahun 2000, empat tahun selepas dipencarkan. Malah beliau masih ingat bagaimana perasaannya apabila diludah oleh seorang pemandu teksi di lapangan terbang kerana dituduh 'merompak kekayaan negara'.

Namun selepas lapan tahun disiasat berhubung kerugian berbilion ringgit yang dialami Perwaja Steel, Eric Chia ditahan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) petang 9 Februari 2004. Pemilik Hotel Park Avenue yang dikatakan memecat pengurusnya di Sungai Petani baru-baru ini kerana tidak menyediakan risalah di hotel, ditahan di kiediaman mewahnya di Petaling Jaya.

Beliau telah didakwa atas tuduhan melakukan pecah amanah membabitkan wang berjumlah RM76.4 juta. Beliau didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan tidak lebih 20 tahun, dan dengan sebat, dan boleh dikenakan denda.

Eric Chia mengaku tidak bersalah. Bahkan semasa bercakap kepada wartawan di luar Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, beliau masih mempertahankan diri bahawa beliau masuk untuk mengetuai Perwaja ketika ia berdepan dengan masalah semata-mata 'untuk membala budi'. Eric Chia berkata beliau menyerahkan kepada orang ramai dan Tuhan untuk menghakiminya.

"Saya cuma buat satu khidmat negara kerana negara memerlukan saya," katanya dalam nada bersahaja. Katanya, beliau datang dari Singapura dengan lima ringgit dalam poket. "Maka kepada Tuhan dan negara saya mesti membala budi. Saya ke Perwaja untuk membala budi." Katanya, Perwaja adalah syarikat yang bankrap dan tidak ada apa-apa.

"Kalau saya nak tipu saya boleh tipu UMW yang banyak duit. Kenapa saya pergi ke sebuah syarikat bankrap untuk tipu." Menurutnya beliau tidak ambil gaji semasa di Perwaja kerana kalau ambil gaji itu bukan balas budi.

Justeru, biarlah mahkamah yang menentukan sama ada lelaki berusia 71 tahun ini bersalah ataupun sebaliknya. □